

10 MAY 1996

Kedah-MB

UMNO KEDAH SOKONG SIAPA SAHAJA DILANTIK JADI MENTERI BESAR

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- UMNO Kedah akan menyokong sesiapa sahaja yang dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Menteri Besar baru Kedah, kata Setiausaha Perhubungan UMNO Kedah Datuk Abdul Rahman Ibrahim.

"Siapa saja PM lantik kami sepatutnya sokong," katanya semasa ditemui pemberita di pintu pagar utama Jabatan Perdana Menteri selepas beliau menemui Dr Mahathir di sini hari ini.

Mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir, beliau berkata mereka membincangkan banyak perkara serta pelbagai isu dan menganggap pertemuan itu seperti pertemuan anak dengan bapa.

Ketika menjawab pertanyaan sama ada isu Menteri Besar dibincangkan, beliau berkata: "Perlantikan Menteri Besar hak mutlak Perdana Menteri, kita sokong siapa saja."

Katanya Perdana Menteri sebagai bapa tentu sudah mendengar semua pandangan Exco kerajaan negeri dan anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) yang telah menemuinya dalam beberapa pertemuan sejak beberapa hari lepas.

Abdul Rahman berkata beliau yakin Perdana Menteri mempunyai kebijaksanaan untuk mempertimbangkan daripada pelbagai sudut saranan dan cadangan yang diberi oleh anggota DUN Kedah, demi kepentingan negara dan negeri Kedah.

Ketika ditanya mengenai Tan Sri Osman Aroff yang telah menyerahkan surat perletakan jawatannya, beliau berkata: "Pemimpin datang dan pergi...yang pentingnya negeri Kedah mesti maju. Sesiapa saja jadi Menteri Besar dia mesti mempunyai wawasannya tersendiri."

Kepada pertanyaan sama ada pendirian anggota-anggota DUN Kedah kini berubah daripada pendirian dalam memorandum sebelum ini, beliau berkata: "Kami bukan bertukar pendirian. Kita tidak lawan PM pada masa dulu, yang penting kita minta jumpa PM dan beliau setuju nak jumpa serta berbincang dan mendengar pandangan kita."

"Kita telah bertemu dengan PM sebagai anak dengan bapa, kita beri pandangan sebagai seorang anak...pendirian kita itu (merujuk kepada memorandum). Sekarang, kita bertemu kita bercakaplah, ini perkara biasalah macam anak dengan bapa," katanya.

Memorandum kepada Perdana Menteri yang ditandatangani oleh 22 anggota DUN itu menyatakan antara lain pendirian mereka menolak sebarang usaha melantik Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah yang baru.

Ditanya sama ada anggota DUN yang menandatangani memorandum itu akan memberi kerjasama sekiranya Sanusi dilantik menjadi Menteri Besar, beliau berkata: "Kita tidak pernah cakap tidak beri kerjasama pada sesiapa pun."

Mengenai adanya wakil-wakil rakyat yang mempunyai pandangan sendiri terhadap Sanusi, Abdul Rahman berkata: "Kita tidak perlu cakap mengenai perkara itu, yang pentingnya kita dapat bercakap dengan PM."

Beliau berkata mereka juga tidak membuat apa-apa saranan mengenai sesiapa untuk dilantik menjadi Menteri Besar kepada Perdana Menteri.

"PM boleh pilih sesiapa sahaja dan kita akan sokong, ia hak mutlak PM," katanya.

Ditanya mengenai keadaan UMNO di Kedah selepas Dr Mahathir mengumumkan Osman telah menyerahkan surat perletakan jawatan, Abdul Rahman berkata: "Kita UMNO macam biasa, UMNO kena terus wujud, UMNO kena terus kukuh, tugas ahli parti memperkukuhkan UMNO...kita tidak ada ahli yang mahu merosakkan parti." -- BERNAMA

SJA NMO